

## TEKS UCAPAN

YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU  
MENTERI BELIA DAN SUKAN

### SEMPENA

MAJLIS AMANAT YB MENTERI BELIA DAN SUKAN TAHUN 2022

---

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

YB Senator Dato' Sri Ti Lian Ker  
Timbalan Menteri Belia dan Sukan

YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan  
Ketua Setiausaha

YBrs. Puan Ramona Mohd Razali  
TKSU (Strategik)

YBrs. Encik Abdullah Bin Hassan  
TKSU (Pengurusan)

Ketua- Ketua Jabatan dan Agensi KBS,

Setiausaha-Setiausaha Bahagian

Team KBS Yang Dikasihi Sekalian,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,



## PEMBUKA BICARA

1. Alhamdulillah setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT; di atas inayah, kudrat dan izin-Nya jua, kita dapat bertemu di sesi Majlis Amanat 2022 pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran majlis pada pagi ini.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan rasa simpati kepada semua warga KBS yang terkesan akibat bencana banjir yang melanda negara kita baru-baru ini. Alhamdulillah, di bawah Kementerian Belia dan Sukan kita berjaya menubuhkan Sukarelawan KBS yang menggerakkan inisiatif kesukarelawan yang turut disertai oleh Insititut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS), Pusat Belia Antarabangsa dan Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD). Sebanyak 46 program dan hampir 3,000 orang sukarelawan yang terlibat menghulurkan sumbangan dan tenaga kepada mangsa yang telah kehilangan tempat berteduh dan mengalami kerugian besar akibat kemusnahan harta benda susulan bencana banjir tersebut. Saya doakan agar kepada semua mangsa yang terkesan akibat banjir dipermudahkan segala urusan dan sekiranya masih mengalami masalah yang berlarutan maklumkan kepada Sukarelawan KBS agar kita boleh bantu sesama kita.
3. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada warga KBS, semua Jabatan dan agensi-agensi di bawah KBS yang memberikan sokongan yang cukup padu kepada saya dan Timbalan saya sepanjang tahun 2021 yang lalu. Dalam



pada kita berhadapan dengan ujian pandemik ini ditambah pula dengan bencana banjir, kita masih mampu melaksanakan pelbagai program belia dan sukan sepanjang tahun 2021.

4. Terima kasih kepada semua di atas kesungguhan, pengorbanan dan iltizam tinggi yang dizahirkan dalam melaksana amanah dan tanggungjawab masing-masing demi pembangunan belia dan sukan negara kita.

**Keluarga Malaysia Yang Saya Hargai,**

**KBS di Tahun 2022 - WAY FOWARD**

5. Bagi tahun 2022 ini, adalah penting bagi kita memastikan bahawa semua program yang dilaksanakan dapat memberi impak yang maksima kepada kumpulan sasaran dan diukur melalui pencapaian *outcome*. Banyak aspek yang boleh diberi penambahbaikan dalam pelaksanaan program-program kita.
6. Saya juga ingin mencadangkan agar kita semua mengembeling tenaga dan sumber untuk melaksanakan program-program sebanyak yang mungkin dalam tempoh 6 bulan pertama. Ini bagi memastikan matlamat pelaksanaan program tidak akan tersasar dari tempoh masa yang ditetapkan selain dapat melakukan perbelanjaan secara efisien dan berhemah.



7. Dalam pelaksanaan program-program ini, kita mesti mengambil kira pendekatan terbaru atau faktor penentu kejayaan yang berupaya untuk menjadi tonggak utama dalam memastikan keberhasilan pelaksanaan strategi dan program yang telah dirangka. Antara elemen penentu kejayaan ialah:

i. **Penjenamaan Program (*Programme Branding*)**

KBS perlu sentiasa mengutamakan penjenamaan program untuk menarik pelanggan dan mengekalkan pelanggan yang sedia ada melalui penyediaan program yang selari dengan apa-apa yang digambarkan oleh sesuatu jenama. KBS perlu memberikan penekanan kepada penjenamaan yang baik supaya setiap hal yang dirancang dan dilaksanakan dapat memberikan impak terbaik kepada kumpulan sasaran dan memastikan mesej dapat disampaikan kepada pelanggan serta program kekal relevan dan efektif.

ii. **Tadbir Urus Yang Baik (*Good Governance*)**

Tadbir urus yang baik bukan sahaja melibatkan ketua jabatan malah melibatkan pegawai dan kakitangan pada semua peringkat pengurusan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka secara telus, berakauntabiliti dan berhemat dari segi pengambilan keputusan dan penyampaian perkhidmatan.

Keutamaan perlu diberikan kepada pematuhan terhadap prosedur dan peraturan bagi memastikan semua strategi dan pelan tindakan yang dirancang dapat dilaksanakan.

**iii. Pengaplikasian Teknologi (*Application Of Technology*)**

Dalam situasi norma baharu, KBS tidak ketinggalan dalam mengaplikasikan teknologi dan bentuk digital dalam pelaksanaan program; pembangunan dan pengurusan kemudahan; penyelidikan dan pembangunan; serta tadbir urus. Penggunaan teknologi dan pendigitalisan mampu melonjakkan peranan KBS selaras dengan trend kumpulan sasaran terutamanya golongan belia.

**iv. KBS Menggerakkan Belia dan Sukan Berdasarkan Data (*Data-Driven*)**

KBS perlu menjadi peneraju data yang berkaitan dengan belia, sukan dan industri sukan. Ini secara tidak langsung menjadikan KBS berupaya untuk menganalisis, merangka dan melaksanakan setiap polisi dan program secara lebih berkesan dan berimpak tinggi. Data yang strategik dapat memberikan kelebihan yang signifikan kepada kita dalam membantu organisasi ini membuat keputusan yang tepat seterusnya memberikan manfaat kepada rakyat secara keseluruhan.

**v. Pendekatan Baharu (*New Approach*)**

KBS perlu sentiasa mengambil pendekatan baharu yang merentas setiap pemegang taruh dalam pembangunan belia dan sukan yang mana program yang dilaksanakan perlu diberi nafas baharu sejajar dengan trend dan keperluan semasa.

Secara tidak langsung dapat memberikan impak besar kepada kumpulan sasar dan seterusnya menjadikan KBS sebagai kementerian yang signifikan dan relevan dalam arus pembangunan negara.

**vi. Sinergi Antara Agensi (*Inter-Agency Synergy*)**

Dalam merealisasikan hasrat kerajaan melahirkan belia yang cemerlang, sinergi dan kerjasama erat antara jabatan dan agensi kerajaan perlu diperluaskan. Sinergi ini dapat memfokuskan pada penghasilan idea yang lebih kreatif, penglibatan kos minimum, pelaksanaan segera untuk mendapatkan hasil yang berimpak tinggi serta usaha meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat.

**vii. Pelan Komunikasi Strategik (*Strategic Communication Plan*)**

Pelan Komunikasi Strategik KBS perlu dirangka dengan baik bagi mempromosi entiti KBS menerusi pelbagai aktiviti komunikasi untuk mendekati khalayak sasaran. Menerusi pelan ini, perancangan yang teliti perlu dibuat bagi menyebarkan maklumat yang berhubung dengan perkhidmatan teras KBS di samping menangkis tohamahan tidak berasas ke atas Kementerian.

**Keluarga Malaysia yang dikasihi,**



## SUKAN

### Pembangunan Industri Sukan

8. Kita perlu menyahut cabaran dan terus memandang ke hadapan. Saya telah meletakkan sasaran supaya Pelan Induk Industri Sukan Malaysia (PISMA) dilancarkan pada pertengahan tahun ini bagi terus merancakkan industri sukan negara melalui strategi dan inisiatif yang terkini dan sistematik.
  
9. Selain itu, pihak KBS juga sedang giat membangunkan **Akaun Satelit Sukan** untuk mengukur sumbangan sebenar industri sukan kepada ekonomi negara. Dengan adanya Akaun Satelit Sukan ini, kita dapat membuktikan kepada agensi-agensi pusat seperti Kementerian Kewangan (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) bahawa peruntukan yang disalurkan kepada KBS bukanlah bersifat perbelanjaan satu hala sahaja, tetapi merupakan pelaburan dan memberi pulangan langsung kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan pembangunan ekonomi negara. Selain itu, Akaun Satelit Sukan dapat membekalkan data yang memudahkan KBS membuat perancangan mengenai fokus pembangunan sukan dalam konteks ekonomi.



**Saudara Saudari Yang Dihormati Sekalian,**

**Visi Sukan Negara 2030 (VSN2030)**

10. KBS akan melancarkan Visi Sukan Negara 2030 (VSN2030) pada suku pertama tahun ini. Ia akan menjadi hala tuju dan “*roadmap*” kepada pembangunan sukan negara secara inklusif. Selaras dengan semangat “**pendemokrasian sukan**” VSN2030 telah dirangka secara komprehensif dengan mengambil kira inspirasi dan pandangan seluruh Keluarga Malaysia melalui Kanvas VSN2030 yang telah diadakan di seluruh negara melibatkan 65 sesi libat urus dengan hampir 9,000 penyertaan.
  
11. VSN2030 yang kini dalam fasa semakan akhir akan merungkai cabaran-cabaran tersebut melalui enam (6) teras utama iaitu pembudayaan sukan, kegemilangan sukan, pembangunan bakat, hab sukan, industri sukan, dan profesionalisme sukan.

**Keluarga Malaysia yang dikasihi,**

**BELIA**

12. Belia ialah penentu masa depan negara, mereka adalah lambang keutuhan dan kesinambungan bagi sesebuah negara bangsa. Makanya, belia Malaysia perlu memiliki jati diri yang unggul selaras dengan kemajuan yang berorientasikan teknologi dan digital. Ciri ini begitu penting supaya kita dapat melahirkan belia yang mampu mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara, menghayati, mengamalkan prinsip Rukun Negara sebagai panduan hidup, memantapkan nilai hidup berpaksikan budaya timur seterusnya melahirkan belia mengikut acuan Malaysia.





13. Sebagai sebuah Kementerian yang berperanan utama dalam pembangunan belia, KBS seharusnya menjadi *lead agency* bagi program dan inisiatif yang memberi manfaat kepada belia. KBS perlu bertindak pantas dalam mengenal pasti isu dan cabaran yang sedang atau akan dihadapi oleh golongan seterusnya mengenal pasti inisiatif terbaik bagi menyelesaikan permasalahan tersebut. KBS juga perlu memandu arah perancangan dan pelaksanaan program – program pembangunan belia di negara ini melalui dasar – dasar sedia ada dan baharu yang melibatkan peranan semua Kementerian/ Agensi. Oleh itu, KBS melalui Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia sebagai platform untuk bersama – sama merancang, menyelaraskan, melaksanakan, memantau dan menilai program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi yang berkaitan.

### Pemeriksaan Ekonomi Belia

14. Berdasarkan laporan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran di kalangan belia yang berumur 15 hingga 30 tahun pada bulan September tahun 2020 menurun kepada 507.8 ribu orang atau pada kadar 8.5 peratus. Manakala belia yang berumur 15 hingga 40 tahun juga menurun kepada 618.9 ribu orang atau pada kadar 5.7 peratus.
15. Kementerian perlu berani merancang dan bertindak diluar limitasi dalam usaha memperkasakan ekonomi belia. Melangkah ke hadapan, Kementerian akan membangunkan **Pelan Pemeriksaan Ekonomi Belia** di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12)



untuk hala tuju strategik dalam meningkatkan kebolehpasaran dan tahap ekonomi belia. Pelan ini akan merangkumi antara lain, latihan dan peningkatan kemahiran termasuk pendigitalan, penciptaan pekerjaan serta perkongsian maklumat mengenai kemudahan pembiayaan sedia ada.

**Keluarga Malaysia yang dikasihi,**

### **Literasi Politik Di Kalangan Belia**

16. Dapatan Indeks Belia Malaysia tahun 2021 menunjukkan skor bagi Domain Sosialisasi Politik, Kenegaraan dan Demokrasi ialah 60.31 peratus iaitu berada pada tahap sederhana. Belia dilihat kurang berminat untuk berbincang, mengikuti perkembangan dan menyertai aktiviti politik, kenegaraan dan demokrasi. Persoalannya, bagaimanakah KBS boleh meningkatkan skor ini kepada tahap yang terbaik.
  
17. Sedangkan kita maklum bahawa belia akan memainkan peranan yang lebih besar dalam pilihan raya yang akan datang selaras dengan pelaksanaan Pindaan Undang – undang Perlembagaan Persekutuan yang meliputi penurunan had umur mengundi dan had umur kelayakan menjadi calon kepada 18 tahun serta pendaftaran pemilih secara automatik ini.
  
18. Tumpuan akan diberi untuk memupuk semangat patriotisme, mempertingkatkan kesedaran mengenai politik, Perlembagaan Persekutuan dan peranan sistem legislatif dalam pentadbiran



negara.

19. Program – program berbentuk advokasi dalam usaha mengubah persepsi belia terhadap politik dan meningkatkan kesedaran belia berkaitan peranan dan keterlibatan mereka dalam pembentukan negara perlu dilaksanakan, diteruskan dan ditambah baik dengan melibatkan kerjasama strategik daripada pelbagai pihak.

### **Model Baharu Pembangunan Belia**

20. KBS dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia (MBM) sedang membangunkan Model Baharu Pembangunan Belia 2030 (MBPB2030) iaitu sebuah pelan hala tuju pembangunan belia untuk tempoh 10 tahun. Bagi menambah baik kerangka, strategi dan inisiatif MBPB2030, saya telah meminta supaya sesi libat urus bersama kesemua kumpulan sasaran belia dan kumpulan pelaksana sebagaimana yang digariskan di bawah Dasar Belia Malaysia dilaksanakan.

### **PENUTUP**

21. Sebagai penutup bicara, sekali lagi, saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Team KBS, semua Jabatan dan agensi-agensi di bawah KBS di atas kerjasama, kesungguhan dan komitmen yang diberikan. Saya sekali lagi mendoakan agar semua mangsa yang terkesan akibat musibah banjir



dipermudahkan segala urusan serta kita semua mendoakan agar Pandemi Covid-19 ini kita tangani bersama dengan segera. Saya turut berdoa, semoga tahun 2022 akan memberikan lebih banyak kejayaan kepada Kementerian ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

